

Headline	5 penerbangan dari LTAPP-Madinah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	18 Sep 2013	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	19	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	103 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,115
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,345



# 5 penerbangan dari LTAPP-Madinah

**Bayan Lepas:** Kumpulan pertama seramai 279 jemaah Malaysia membabitkan rombongan haji dari Pulau Pinang yang menaiki pesawat KT28 berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) ke Madinah, semalam.

Rombongan itu berlepas jam 1.05 tengah hari selepas berkumpul di Kompleks Tabung Haji, di sini, untuk majlis pelepasan yang disempurnakan Yang Dipertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas.

Timbalan Pengarah Operasi Tabung Haji negeri Amat Kassim Mat berkata, lima penerbangan dijangka berlepas dari LTAPP ke Madinah, tahun ini.

Menurutnya, ia bermula dengan penerbangan KT28

itu dan penerbangan kedua serta ketiga pada hari ini dan Khamis.

Katanya, bagi penerbangan keempat dan kelima pula dijangka akan berlepas pada 27 September depan dan yang terakhir pada 1 Oktober ini membabitkan jumlah keseluruhan dari Stesen Bayan Lepas seramai 830 jemaah.

“Berdasarkan jumlah keseluruhan jemaah, jemaah dari Perak antara paling ramai iaitu 97 jemaah diikuti Pulau Pinang (96), Kedah (76), Perlis (5) manakala

Kuala Lumpur dan Kelantan masing-masing dua jemaah dan seorang dari Selangor.

“Kami menjangkakan kumpulan jemaah pertama bakal pulang pada pada 1 November nanti,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengurus Operasi Tabung Haji negeri Abdul Halim Jamil yang mewakili Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH Datuk Paduka Ismee Ismail berkata, setiap jemaah perlu bersyukur kerana terpilih menjadi tetamu Allah pada tahun ini.